



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JPS(W)/SPA/153/07/09/01/Jld.7(66)

Tarikh : 3 Februari 2012

Semua Pegawai Pelajaran Daerah
Pejabat Pelajaran Daerah

Tuan,

**KEUTAMAAN TINDAKAN PEGAWAI-PEGAWAI DI JABATAN PELAJARAN
NEGERI, PEJABAT PELAJARAN DAERAH DAN SEKOLAH TERHADAP
GERAKAN MENJULANGI SARAWAK (GeMS) 2011-2015**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian tuan kepada perkara tersebut di atas.

2. Gerakan Menjulangi Sarawak (GeMS) 2011-2015 merupakan perancangan strategik Jabatan Pelajaran Sarawak untuk meningkatkan kualiti serta kecemerlangan pendidikan di semua peringkat pendidikan. Menerusi GeMS, Jabatan Pelajaran Sarawak telah menggariskan enam teras strategik dan enam matlamat utama bagi menjulangi pendidikan Sarawak dalam bidang akademik, kokurikulum dan perwatakan murid. Bagi merealisasikan pencapaian enam matlamat yang dinyatakan dalam GeMS, setiap PPD dan sekolah perlu membuat perancangan strategik **berasaskan GeMS 2011-2015** dengan mengambil kira keadaan setempat serta keperluan masing-masing.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan dipohon untuk memastikan program dan aktiviti di peringkat pejabat dan sekolah diselaraskan dengan memberi perhatian dan penekanan kepada enam teras yang dinyatakan dalam GeMS 2011-2015. Semua pelaksana di setiap peringkat perlu memastikan program dan aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan menjurus ke arah mencapai setiap matlamat di dalam GeMS supaya menepati kehendak Kementerian Pelajaran Malaysia selaras dengan tuntutan NKRA dan keperluan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10). Dokumen GeMS 2011-2015 yang diterima bersama surat ini adalah dokumen yang sah. Dokumen GeMS 2011-2015 yang diterima sebelum ini tidak boleh lagi digunakan sebagai dokumen rujukan.

4. Semua Pejabat Pelajaran Daerah, Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah perlu melantik seorang pegawai perhubungan GeMS yang bertanggungjawab untuk menyelaras segala aktiviti yang berkaitan dengan GeMS. Lampiran nama pegawai perhubungan GeMS di Pejabat Pelajaran Daerah perlu diisi dan dihantar ke Sektor Pengurusan Akademik manakala nama pegawai perhubungan GeMS di sekolah perlu dihantar ke PPD masing-masing.

5. Pelaporan GeMS akan dibuat dua kali setahun iaitu pada bulan Jun dan bulan Disember setiap tahun. Untuk mengelakkan kelewatan merumus data GeMS semasa pelaporan, semua penyelaras di peringkat masing-masing perlu mengumpul data awal (data dikumpul sebaik sahaja sesuatu program dilaksana) serta memastikan data GeMS yang dilapor adalah data yang sebenar, kemas kini dan tepat. Format pelaporan akan dimaklumkan kemudian.
6. Sila maklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di PPD serta Pengetua dan Guru Besar di bawah seliaan tuan. Untuk makluman, draf GeMS 2011-2015 telah dibentangkan semasa Mesyuarat JKKN 3/2011 di Hotel Tanah Mas, Sibu pada 7 Disember, 2011. Semasa Kursus Pembangunan Kapasiti Pegawai JPN dan PPD, pegawai dari setiap Pejabat Pelajaran Daerah yang hadir telah diberi taklimat tentang teras, fokus, strategi dan pelan tindakan GeMS di RH Hotel, Sibu pada 14-16 Disember 2011. Pegawai berkenaan boleh dijadikan pakar rujuk GeMS semasa pendedahan GeMS kepada Guru Besar dan Pengetua di peringkat masing-masing.
- ... 7. Bersama-sama ini dikepilkan dokumen GeMS 2011-2015 dalam bentuk *soft copy* sebagai panduan untuk menyediakan perancangan strategik dan pelan tindakan di PPD dan sekolah.

Keprihatinan tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ABDILLAH BIN ADAM)
Pengarah Pelajaran
Sarawak

s.k. Fail Timbul Timbalan Pengarah Pelajaran Sarawak

VMN/Ihh

Lampiran

Nama Pegawai Penyelaras / Perhubungan GeMS 2011-2015

PPD : _____

Bil.	Nama Penyelaras / Perhubungan GeMS	Jawatan	Gred	No. Pejabat	No. Tel. Bimbit

Sila kembalikan lampiran sebelum atau pada 29 Februari 2012.